



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KU NORAZMI B. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Terengganu
HJ NORZAINI B. HUSSIN

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(25)

9 MEI 2020

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE - 25/2020: **PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti sedia maklum, bahawa Menteri Kanan (Keselamatan), YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan pada 4 Mei 2020 bahawa Kerajaan mewajibkan semua pekerja asing di semua sektor menjalani ujian saringan COVID-19 dan kosnya akan ditanggung oleh majikan. Untuk makluman semua, Persatuan, melalui Malaysian Employers Federation (MEF) bersama industri yang lain telah menentang keras arahan awal Kerajaan bahawa majikan menanggung kos ujian swab untuk semua pekerja asing.

3. Namun pada 6 Mei 2020 Menteri Kanan (Keselamatan) dipetik oleh media bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menanggung kos ujian swab COVID-19 untuk pekerja termasuk pekerja asing yang telah mencarum kepada PERKESO. Lantaran itu, kerajaan memaklumkan ujian swab wajib untuk pekerja asing yang akan dimulakan dengan pekerja asing yang bekerja di industri pembinaan di Kuala Lumpur dan Selangor.

4. Saringan COVID-19 bagi industri perkhidmatan kawalan swasta adalah diwajibkan untuk semua pengawal di bawah penggajian syarikat. Oleh kerana Kerajaan memberi keutamaan saringan ke atas pekerja asing, maka pengawal Nepal tidak terkecuali bagi fasa permulaan. Kos saringan COVID-19 dibiayai PERKESO melalui Program Saringan Prihatin (PSP) dengan pendaftaran melalui Portal PERKESO PSP di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> untuk ujian swab oleh penyedia perkhidmatan saringan yang dilantik PERKESO.

5. Untuk tujuan di atas dan bagi mengatasi proses saringan COVID-19 yang agak sulit, Persatuan telah mengadakan perbincangan dengan pihak PERKESO pada 6 Mei 2020 dan syarikat penyedia perkhidmatan untuk cadangan penyediaan **saringan COVID-19 khusus bagi pekerja sektor industri keselamatan swasta terutama bagi pengawal Nepal**. Sementara perkara ini diputuskan, pekerja **DIMESTIKAN** untuk membuat pendaftaran melalui **Portal PERKESO PSP dan menyimpan Nombor**

Pengesahan (validation key) di dalam profil masing-masing di Portal PSP PERKESO. **Nombor Pengesahan ini akan digunakan sebagai rujukan** semasa menjalani saringan kelak. Maklumat terperinci berkaitan mekanisma saringan COVID-19 khusus buat sektor industri keselamatan swasta akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

6. Arahan terbaru Menteri Kanan (Keselamatan), YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada hari ini memperjelaskan saringan COVID-19 diwajibkan. Lantaran itu, surat Kementerian Dalam Negeri yang diterima petang ini yang dilampirkan bersama adalah berkaitan. Surat berkenaan juga menjelaskan **pengawal keselamatan adalah dibenarkan bekerja sementara menunggu disaring COVID-19 dengan syarat Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Majlis Keselamatan Negara (dipersetujui Kementerian Kesihatan Malaysia) yang diedarkan melalui Surat Edaran PIKM ke 22/2020 bertarikh 4 Mei 2020 dipatuhi**. Juga tiada halangan bagi syarikat yang ingin menjalankan saringan pekerja di klinik/pusat saringan persendirian yang bukan merupakan panel PERKESO dengan membiayai kos saringan sendiri.

Untuk perhatian dan tindakan lanjut Ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line with a loop at the top and a horizontal line extending to the right, ending in a small hook.

DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN



SEGERA

No. Ruj : KDN.KK.S.700-3/1/3
Tarikh : 8 Mei 2020

YBHG. DATO' SRI HJ RAMLI BIN YUSUFF

Presiden
Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

YBhg. Dato' Sri,

**ARAHAN MEWAJIBKAN SEMUA PENGAWAL KESELAMATAN
WARGANEGARA NEPAL UNTUK MENJALANI UJIAN SARINGAN COVID-19**

Dengan hormatnya merujuk berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, Kerajaan telah memutuskan semua pengawal keselamatan warganegara Nepal **diwajibkan** untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di mana-mana hospital atau klinik yang diiktiraf oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah dibenarkan untuk bekerja sementara menunggu giliran/keputusan saringan COVID-19 diperolehi dengan syarat mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato' Sri adalah diminta untuk memaklumkan kepada semua syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) agar mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
4. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Dato' Sri amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZULKIFLI BIN ABIDIN)
Bahagian Keselamatan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

S.K

1. YBhg. Dato' KSU
2. YBhg. Datuk TKSU (K)